

KERATAN AKHBAR

CHINA PRESS

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: A1 / A6

TANDAS AWAM KOTOR DAN BUSUK TUN MAHATHIR MOHAMAD SANGAT MALU

[PUTRAJAYA] Tun Mahathir Mohamad telah membuat pemeriksaan mengejut terhadap tandas awam di Malaysia. Beliau mendapati rakyat Malaysia tidak memandang serius terhadap kebersihan tandas awam. Begitu juga dengan sekitar tandas awam yang dipenuhi dengan sampah. Oleh itu, beliau berasa malu terhadap tandas awam yang kotor dan busuk. Ini menunjukkan rakyat Malaysia kurangnya tanggungjawab sosial. Beliau berkata tandas awam di negara asing sangat bersih disebabkan pengguna mempunyai tanggungjawab sosial untuk menjaga kebersihan tandas awam. Beliau berkata disebabkan rakyat Malaysia mengalami kekurangan kesedaran sivik, mereka akan mencuri tiang lampu dan paip air serta menconteng dinding. Beliau juga menyeru rakyat Malaysia sepatutnya mencontohi budaya rakyat Jepun yang mendidik kanak-kanak untuk melipat kertas makanan dan membuang di tong sampah. Beliau juga berharap literasi sivik yang telah diperkenalkan semula di semua sekolah pada bulan Jun lepas akan membentuk rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan saling faham-memahami antara satu sama lain untuk memastikan tindakan merosakkan persekitaran tidak berlaku.